



PANDUAN AMBIL ALIH SENGGARAAN LIF DAN ESKALATOR

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Malaysia

2020

Kandungan		Muka Surat
1.0	Latar Belakang	1
2.0	Pematuhan Akta Kilang dan Jentera	2
3.0	Objektif	2
4.0	Kriteria Pengambilalihan	3
5.0	Prosedur	3

Lampiran A: Borang Permohonan Kebenaran Pengambilalihan
Senggaraan Lif dan Eskalator

1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Panduan ini disediakan adalah untuk menambahbaik proses pengambilalihan kerja-kerja penyenggaraan lif dan eskalator dengan mengambil kira permasalahan dan maklumbalas daripada pemunya dan 'firma yang diluluskan' yang menjalankan kerja-kerja penyenggaraan.
- 1.2. Kerja-kerja penyenggaraan lif yang dijalankan oleh 'firma yang diluluskan' selain daripada 'firma yang diluluskan' yang membekal/memasang lif juga menimbulkan isu dan menyebabkan lif-lif tersebut tidak dapat beroperasi dengan baik.
- 1.3. 'Firma yang diluluskan' (selepas ini dipanggil 'Firma') yang dinyatakan pada perkara 1.2 adalah firma bagi memasang, menyenggara dan memeriksa lif elektrik penumpang dan barang, eskalator dan dumbwaiter yang berdaftar dengan Jabatan.
- 1.4. Sehubungan dengan itu, Jabatan berpendapat adalah penting tahap kemahiran dan kompetensi 'Firma' dipastikan. Manual Penyenggaraan Dan Operasi serta Prosedur Menyelamat Mangsa Terperangkap sepatutnya dimiliki oleh pemunya bagi memastikan pertukaran 'Firma' tidak menjejaskan operasi sesebuah lif dan eskalator.
- 1.5. Jabatan berpendapat, satu panduan perlu diadakan bagi memperincikan pelaksanaan, kriteria dan prosedur bagi tujuan ambil alih senggaraan lif dan eskalator bagi memastikan peralihan 'Firma' yang bertanggungjawab ke atas penyenggaraan sesuatu lif dan eskalator dilakukan sebaik mungkin tanpa mengabaikan aspek – aspek keselamatan terhadap penggunaan lif dan eskalator tersebut.

2. PEMATUHAN AKTA KILANG DAN JENTERA

- 2.1. Menurut Peraturan 31(1) Peraturan – Peraturan (Lif Letrik Penumpang dan Barang) Kilang dan Jentera, 1970, adalah menjadi kewajipan pemunya tiap – tiap lif menentukan supaya lif disenggara.
- 2.2. ‘Firma’ yang berniat melakukan ambil alih senggaraan lif dan eskalator hendaklah melengkapkan maklumat seperti **Lampiran A** dan dikemukakan kepada Pejabat JKPP Negeri di mana lokasi lif dan eskalator tersebut akan diambilalih.
- 2.3. Peraturan 31(2) Peraturan – Peraturan (Lif Letrik Penumpang dan Barang) Kilang dan Jentera, 1970, menyatakan bahawa pemunya hendaklah membuat perjanjian dengan sesuatu ‘Firma’ untuk penyenggaraan dan pemeriksaan lif dan Orang Yang Kompeten dari ‘Firma’ tersebut bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan berkala dan memastikan lif tersebut disenggara.

3. OBJEKTIF

- 3.1. Memastikan proses ambil alih senggaraan lif dan eskalator oleh ‘Firma’ hendaklah mendapat kebenaran Pejabat JKPP Negeri terlebih dahulu.
- 3.2. Menyediakan **Panduan Ambil Alih Senggaraan Lif dan Eskalator** bagi memperincikan kriteria dan prosedur pengambilalihan.
- 3.3. Memastikan proses pengambilalihan dilakukan sebaik mungkin dan mematuhi kehendak Peraturan – Peraturan (Lif Letrik Penumpang dan Barang) Kilang dan Jentera, 1970.

4. KRITERIA PENGAMBILALIHAN

- 4.1. Bagi maksud ambil alih senggaraan lif dan eskalator, Orang Yang Kompeten Gred I akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap lif dan eskalator yang diambilalih serta hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman sebagai orang Yang Kompeten Gred 1.
- 4.2. Kesemua pengambilalihan lif dan eskalator perlu mendapat kebenaran Pejabat JKPP Negeri.
- 4.3. Di bawah panduan ini, Jabatan menetapkan nisbah satu Orang Yang Kompeten tidak melebihi dua ratus (200) unit lif di bawah kawal selianya. Sehubungan dengan itu, nisbah ini hendaklah dipenuhi oleh 'Firma' sebelum memohon kebenaran Jabatan untuk sebarang pengambilalihan.
- 4.4. 'Firma' hendaklah memiliki manual penyenggaraan dan operasi yang lengkap, prosedur menyelamatkan mangsa terperangkap dan lain – lain dokumen yang difikirkan perlu untuk lif dan eskalator yang akan diambilalih.

5. PROSEDUR PENGAMBILALIHAN

- 5.1. Setiap proses permohonan kelulusan pengambilalihan adalah melalui Pejabat JKPP Negeri. Permohonan pengambilalihan perlu dikemukakan sekurang-kurangnya sebulan sebelum dilaksanakan.
- 5.2. Bagi 'Firma' yang berniat menamatkan atau ditamatkan perjanjian penyenggaraan dengan pemunya, hendaklah memaklumkan kepada Pejabat JKPP Negeri dengan kadar segera.
- 5.3. Pengambilalihan hanya boleh dilakukan sekurang – kurangnya satu (1) tahun selepas tarikh lif dan eskalator didaftarkan dengan Jabatan.

5.4. 'Firma' hendaklah memastikan kehendak – kehendak koda rekabentuk lif dan eskalator yang terkini digunakan untuk sebarang menaiktaraf atau dipinda daripada asasnya. Antaranya:

- a) EN81-80:2019 *Rules for improvement of safety of existing passenger and goods passenger lifts;*
- b) BS EN 115-1: 2008 *Safety of escalators and moving walks Part 1: Construction and installation;* dan
- c) lain – lain koda terkini.

5.5. Permohonan Pengambilalihan

5.5.1. 'Firma' yang berniat melakukan ambil alih senggaraan lif dan eskalator hendaklah melengkapkan maklumat seperti **Lampiran A** dan dikemukakan kepada Pejabat JKKP Negeri di mana lokasi lif dan eskalator tersebut akan diambilalih.

5.5.2. Surat dan borang permohonan yang lengkap diisi perlu disertakan bersama dokumen-dokumen sokongan. Dokumen sokongan tersebut adalah seperti berikut;

i. Surat Pernyataan/Perakuan

'Firma' perlu mengemukakan surat pernyataan/perakuan daripada pemunya mengenai perkara di bawah:

- a) Persetujuan daripada pemunya akan cadangan penambahbaikan.
- b) Perakuan pemunya untuk bertanggungjawab memastikan lif disenggara dan dalam keadaan selamat digunakan.

ii. Laporan Teknikal

Laporan teknikal yang perlu dikemukakan hendaklah disediakan oleh Orang Yang Kompeten dan merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- a) Perincian secara teknikal keadaan semasa dan laporan cadangan penambahbaikan yang perlu dilakukan untuk kesemua lif dan eskalator yang akan diambilalih dan disahkan oleh Wakil Pemunya.
- b) Gambar keadaan lif dan eskalator terutama untuk '**Essential Safety Device**', bahagian jentera yang berputar dan komponen – komponen penting bagi kelancaran operasi sebuah lif dan eskalator.

iii. Salinan Surat Tawaran (*Offer Letter*)

Satu salinan surat tawaran yang diberikan oleh Wakil Pemunya atau Syarikat Penyenggara Bangunan turut dilampirkan bagi memastikan maksud Peraturan 31(2) Peraturan – Peraturan (Lif Letrik Penumpang dan Barang – Barang) Kilang dan Jentera, 1970 dilaksanakan sebaiknya.

iv. Jadual Perbatuan (*Gantt Chart*)

- a) Satu jadual atau carta penyenggaraan hendaklah disediakan oleh Orang Yang Kompeten Gred I. Perincian terhadap komponen – komponen lif yang hendak disenggara serta jangkaan penggantian komponen dari tempoh perjanjian 'Firma Yang Diluluskan' dengan pemunya.

- b) Jadual atau carta penyenggaraan hendaklah meliputi sekurang – kurangnya '**Safety Component**' seperti yang dinyatakan pada EN 81-50 bagi kelancaran operasi sesebuah lif.

v. Menaiktaraf (*Modernization*)

Bagi kerja-kerja pengambilalihan yang melibatkan kerja menaiktaraf (*modernization*), dokumen-dokumen tambahan seperti berikut hendaklah dikemukakan dalam permohonan pengambilalihan:

- a) Perakuan Pengilang mengesahkan kerja menaiktaraf perlu dikemukakan bagi lif yang diambilalih bagi tujuan '*modernization*' sekiranya 'Firma Yang Diluluskan' yang mengambilalih adalah prinsipal asal lif tersebut.
- b) Surat perakuan/pengesahan daripada Orang Kompeten Gred 1 dan Pengarah Urusan 'Firma Yang Diluluskan' menyatakan bahawa kerja-kerja menaiktaraf telah dijalankan dengan teliti mengikut keperluan koda rekabentuk serta akan bertanggungjawab bagi setiap kerja naiktaraf yang dijalankan, sekiranya 'Firma Yang Diluluskan' yang ambil alih adalah bukan prinsipal asal lif tersebut.
- c) **Peringatan penting**, kebenaran memasang perlu dimohon terlebih dahulu dari JKKP Ibu pejabat untuk kerja-kerja menaiktaraf lif dan eskalator.

BORANG PERMOHONAN KEBENARAN AMBIL ALIH SENGGARAAN LIF DAN ESKALATOR

Kepada,

Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan,

.....
.....
.....

MAKLUMAT JENTERA YANG DIAMBIL ALIH							
Nama dan Alamat Pemunya :							
Nama dan Alamat Jentera Dipasang :							
Nama dan Alamat Syarikat Firma Yang Diluluskan Yang Dilantik :							
Nama dan Alamat Syarikat Firma Yang Diluluskan Yang Terdahulu :							
No. Pendaftaran Jentera (No. PMA)	Jentera (Lif / Eskalator & lain –lain)	Model	Laju	Perjalanan / Rise	Tingkat	Jenis (Lif Penumpang / Lif Penumpang Tanpa Bilik Jentera / Lif Barang / N/A)	Tahun Pemasangan

STATISTIK JENTERA DAN BILANGAN PERSONEL

	Bilangan Jentera Yang Disenggara		Bilangan Personel		
	Lif	Eskalator	Orang Yang Kompeten Gred 1	Orang Yang Kompeten Gred 2	Orang Yang Kompeten Gred 3
Sebelum perjanjian					
Selepas perjanjian					

PENGALAMAN SEBAGAI ORANG YANG KOMPETEN LIF GRED 1

Nama Firma	Tahun Dari / Sehingga

Bagi maksud pengambilalihan, syarikat kami mempunyai sumber – sumber kewangan, pengetahuan, kemahiran teknikal, peralatan untuk kerja menyelenggara, alat – alat ganti dan personel yang terlatih serta mencukupi bagi menyelenggara lif dan eskalator.

Syarikat kami akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap lif / eskalator yang diambilalih dan akan segera mengatur kerja – kerja pembaikan terhadap lif / eskalator agar beroperasi dalam keadaan memuaskan, setelah menerima arahan daripada pemunya.

Kami mengakui bahawa semua maklumat yang diberikan diatas adalah benar.

Sekian, terimakasih.

	Pemunya Firma Yang Diluluskan	Orang Kompeten Gred 1
Tandatangan		
Nama		
Jawatan		
Tarikh		
Cop rasmi		